

R .

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACR -2108

INVC.....nms 6/12/01

**MINAT KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
SEBUAH FELDA : SATU KAJIAN KES MENGGUNAKAN
TEORI PEMILIHAN KERJAYA HOLLAND**

SURIA BABA

**SATU LAPORAN PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA
FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510355243

UNIVERSITI MALAYA

2001

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan alat Self Directed Search Form Easy (SDS-E) bagi mengenal pasti minat kerjaya sekumpulan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di FELDA.

Seramai 123 orang yang menjadi responden kajian iaitu 56 orang pelajar lelaki dan 67 orang pelajar perempuan. 52 orang pelajar dari aliran Sains dan 71 orang dari aliran Kemanusiaan. Seramai 24 orang pelajar yang berprestasi akademik tinggi, 76 orang yang berprestasi akademik sederhana dan 23 orang berprestasi akademik rendah. Melalui penggunaan soal selidik daripada alat SDS-E ini, dapat dikenal pasti akan pola minat kerjaya para pelajar dan dapat dibuat pengkelasan kepada enam jenis pola minat kerjaya. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat perbezaan minat kerjaya di kalangan pelajar lelaki dan perempuan, pelajar daripada aliran Sains dan Kemanusiaan serta perbezaan minat kerjaya di kalangan pelajar berprestasi akademik tinggi, sederhana dan rendah.

Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif serta statistik inferensi; iaitu Kaedah Tabulasi Menyilang. Hasil kajian telah menunjukkan keseluruhan pelajar meletakkan minat dalam bidang kerjaya Sosial sebagai keutamaan dan bidang Konvensional sebagai bidang kedua yang diminati. Bidang yang ketiga diminati ialah

Artistik. Dapatan menunjukkan pelajar kurang meminati bidang Artistik, Investigatif dan Keusahawanan.

Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pola minat kerjaya pada aras keertian .05 antara pelajar lelaki dan perempuan; pelajar dari aliran Sains dan Kemanusiaan dan pelajar daripada pencapaian akademik tinggi, sederhana dan rendah.

Rumusannya, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa alat ini dapat membantu pelajar dalam mengenal pasti pola minat kerjaya mereka masing-masing dan lapatan sebegini menjadi asas kepada penerokaan maklumat kerjaya selanjutnya.

**“CAREER INTEREST AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS
IN A FELDA SCHEME : A CASE STUDY USING
HOLLAND CAREER CHOICE THEORY”**

ABSTRACT

The purpose of this research is to look upon career interest using Self Directed Search Form Easy among a group of Form Four Student. The samples in this research are student from a Federal Land Development Authority (FELDA).

There are about one hundred and twenty three students being the research respondent which comprise of 56 males and 67 females; 52 students from Science stream and 67 from Humanistics Stream; 24 were from high academic achievers, 76 were from medium academic achiever and 23 were from low academic achievers. Using this SDS-E instrument, student are categorized into six poles career interest. Besides, difference in career interest among boys and girls, from science and humanistic stream and student from higher, medium and low achiever are also being observed.

Descriptive statistic and inferential statistic, using Cross Tabulation method was used to analyse the data. The result shows that overall student have high inclination on social aspect and students also shows high interest in Conventional aspect. However, the finding indicates that student has low interest in Artistic, Investigative and

Enterprising

The results also shows significant difference (s) at 0.5 level on career interest between: males and females; science and humanistic stream student and students of three levels in academic achievement.

In conclusion, result indicates that SDS – E would help student identify their individual career inclination and such findings would then become the basis for further investigation and exploration regarding career choice.